



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI SEKOLAH
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4, BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4, BLOCK E2, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8889 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Tuan : RCP/T&RSSYS13/2024 (21)
Ruj. Kami : KPM.600-8/2/7 Jld. 40 (48)
Tarikh : 23 Januari 2024

YBrs. Dr. Sayed Yusoff bin Syed Hussain
Timbalan Pengarah,
SEAMEO RECSAM,
Jalan Sultan Azlan Shah,
11700 Gelugor,
PULAU PINANG.

SEAMEO RECSAM
RECEIVED

v 8 FEB 2024



ATTN: DDT&R
for your info..

YBrs. Dr.,

**PERMOHONAN UNTUK MENJEMPUT SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH BAGI
MENYERTAI KONGRES SERANTAU KE-13 "SEARCH FOR SEAMEO YOUNG
SCIENTISTS (SSYS)"**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima dan meneliti permohonan daripada *Southeast Asian Ministers of Education Organization, Regional Centre for Education in Science and Mathematics* (SEAMEO RECSAM) untuk menganjurkan Kongres Serantau ke-13 "Search for SEAMEO Young Scientist (SSYS)" yang melibatkan guru dan murid sekolah menengah bawah KPM di seluruh negara bermula 10 Jun 2024 hingga 14 Jun 2024 bertempat di SEAMEO RECSAM, Pulau Pinang.

3. KPM **tiada halangan** bagi memberi kelulusan kepada permohonan pihak YBrs. Dr. untuk melaksanakan program tersebut bermula dari **10 Jun 2024 hingga 14 Jun 2024**. Pihak YBrs. Dr. perlu mengadakan perbincangan dengan **Pengarah Pendidikan Negeri** yang terlibat untuk mendapatkan pandangan dan kaedah yang terbaik bagi melaksanakan program berkenaan memandangkan sekolah, guru dan murid yang terlibat adalah di bawah pentadbiran negeri berkenaan di samping perlu mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Mendapat kebenaran daripada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan pengetua/guru besar sekolah-sekolah yang terlibat;
- 3.2 **Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;**
- 3.3 Penyertaan murid dan guru hendaklah tidak mengganggu atau menjelaskan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka;
- 3.4 Pengajur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid dan guru yang terlibat dengan program ini;
- 3.5 Murid, warga sekolah maupun pihak sekolah sendiri **tidak boleh dipaksa atau diwajibkan** terlibat dengan program ini;
- 3.6 Penyertaan murid hendaklah mendapat **kebenaran bertulis** daripada ibu bapa atau penjaga;
- 3.7 **Tiada implikasi kewangan kepada KPM, JPN, pejabat pendidikan daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;**
- 3.8 **Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan untuk membuat liputan dan rakaman media program dengan mengemukakan permohonan berserta dokumen lengkap kepada Unit Komunikasi Korporat, KPM selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan pengajuran program ini;**
- 3.9 **Pihak pengajur hendaklah memastikan pihak sekolah telah memaklumkan kepada ibu bapa/penjaga berhubung aktiviti liputan dan rakaman media sepanjang Kongres Serantau ke-13 "Search for SEAMEO Young Scientist (SSYS)" diadakan serta mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;**
- 3.10 **Pihak pengajur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos pengajuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;**
- 3.11 **Surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama KPM. Sijil penyertaan program yang ditandatangani oleh pengurusan tertinggi KPM tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak KPM secara langsung;**

- 3.12 Penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/surat sokongan permohonan pengajuran program ini.** Syarat permohonan adalah seperti di dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia** (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>);
 - 3.13 Pihak pengajur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
 - 3.14 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana platform media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
 - 3.15 Pihak YBrs. Dr. juga perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang program dijalankan; dan
 - 3.16 **KPM berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan yang dikeluarkan KPM.**
4. Untuk makluman YBrs. Dr., pihak KPM sentiasa Melindungi Masa Instruksional (MMI), iaitu masa PdP murid. Oleh yang demikian, pihak kami mencadangkan supaya penyertaan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjelaskan waktu PdP murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.
5. **Kelulusan ini [Permohonan untuk Menjemput Sekolah-Sekolah Menengah bagi Menyertai Kongres Serantau ke-13 "Search for SEAMEO Young Scientists (SSYS)"] hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 14 Jun 2024.** Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada Encik Khairul Anwar bin Sharin di talian 03-88849354 atau e-mel khairul.sharin@moe.gov.my.


Segala perhatian pihak YBrs. Dr. berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN HAJI ADNAN)

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Haji Azman Bin Haji Adnan". The signature is fluid and cursive, with a stylized "H" at the beginning. Below the signature, the name is printed in a bold, sans-serif font.

- s.k. 1. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 2. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 3. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 4. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 5. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
- 6. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia

7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Pengarah Pendidikan
Semua Jabatan Pendidikan Negeri

/PP2/UPDP2/Januari/2024